

BAHASA PASAR DALAM NOVEL IMAM: SUATU ANALISIS VARIASI BAHASA

‘BAHASA PASAR’ IN NOVEL IMAM: A LANGUAGE VARIATION ANALYSIS

Melor Fauzita Binti Md. Yusoff, PhD¹
Nor Hasimah Ismail, PhD²
Sharif Shah Bani Bin Sharif Hamid³

Jabatan Bahasa, Pusat Pengajian Bahasa,
Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia.
(¹fauzita@uum.edu.my, ²nhsimah@uum.edu.my, ³pakti<gengpida7@gmail.com)

Accepted date: 31 October 2017

Published date: 13 September 2018

To cite this document: Yusoff, M. F. B. M., Ismail, N. H., & Hamid, S. S. B. B. S. (2018). Bahasa Pasar Dalam Novel Imam: Suatu Analisis Variasi Bahasa. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3 (16),18-27.

Abstrak: Bahasa merupakan sistem atau alat komunikasi yang amat penting bagi manusia untuk berhubung. Terdapat pelbagai bentuk bahasa yang digunakan bagi mengeratkan hubungan serta mengharmonikan masyarakat. Terdapat pelbagai variasi bahasa yang wujud hasil daripada kepelbagaian pengguna dan penggunaan bahasa di Malaysia. Salah satu daripada kepelbagaian bahasa yang wujud di Malaysia ialah bahasa pasar. Bahasa pasar secara umumnya bermula apabila ada pertembungan yang berlaku di antara kumpulan yang tidak mempunyai satu bahasa perantaraan yang diketahui oleh kedua-dua pihak. Di Malaysia, bahasa pasar ialah bahasa Melayu yang mengandungi beberapa bunyi, aturan nahu dan sejumlah kata yang bukan asli bagi bahasa itu seperti kata daripada bahasa Cina dan Tamil. Kajian ini meneliti penggunaan bahasa pasar dalam novel Imam karya Sasterawan Negara Malaysia, Abdullah Hussain. Tumpuan diberikan kepada unsur-unsur bahasa pasar yang diaplikasikan penggunaannya dalam kalangan masyarakat melalui novel tersebut. Kaedah analisis teks digunakan dengan melakukan pembacaan secara teliti terhadap teks, diikuti dengan penelitian terhadap watak bagi menjelaskan lagi kesesuaian bahasa pasar yang digunakan mengikut konteks. Unsur bahasa pasar diguna sebagai garis panduan untuk menganalisis bahasa ini. Dapatan dipersembahkan dalam bentuk petikan ayat bagi memudahkan penerangan dan penjelasan, di samping penggunaan jadual sebagai cara untuk memudahkan pemahaman pembaca. Dapatan mendapati sememangnya terdapat penggunaan unsur bahasa pasar dalam kalangan penutur yang berbilang kaum dalam novel ini yang secara tidak langsung menggambarkan realiti penggunaan bahasa masyarakat. Unsur bahasa pasar ini dapat dilihat melalui penggunaan kata ganti nama diri orang, penggunaan kata 'banyak' sebagai kata penguat, kekerapan penggunaan kata 'punya', pengabaian hukum D-M dan penggunaan ayat yang tidak gramatis.

Kata Kunci: Bahasa dan Masyarakat, Bahasa Pasar, Komunikasi, Novel

Abstract: Language is a system or communication tool that is very important for people to communicate. There are various forms of language used to foster relationships and harmonize society that exist as a result of the diversity of users and the use of language in Malaysia. One of the diversity of languages that exists in Malaysia is 'bahasa Pasar'. 'Bahasa Pasar' generally begins when there is a clash between groups that do not have one intermediate language known to both parties. In Malaysia, 'bahasa Pasar' is Malay language which contains some sounds, grammar rules and a number of non-native words for the language such as words from Chinese and Tamil. This study examines the use of 'bahasa Pasar' in the novel of Imam by Malaysia's novel, Abdullah Hussain. The focus is on the elements of 'bahasa Pasar' applied to its use in society through the novel. The method of text analysis is used by carefully reading the text, followed by a character study to explain the suitability of 'bahasa Pasar' used in context. 'Bahasa Pasar's elements are used as a guideline to analyze this language. The findings are presented in the form of sentence passages to facilitate explanations, as well as the use of tables as a way to facilitate readers' understanding. The findings have found that there is 'bahasa Pasar' used among multiracial speakers in this novel that indirectly reflects the reality of the use of the language in society. Bahasa Pasar's element can be seen through the use of personal pronouns, the use of the word 'banyak' as the word reinforcement, the frequency of use of the word 'punya', the neglect of D-M law and the use of non-grammatical sentences.

Keywords: Language and Society, Market Language, Communication, Novel

Pengenalan

Bahasa ialah alat komunikasi yang digunakan oleh manusia dalam masyarakat untuk berhubung dan bekerjasama. Hubungan bahasa dan masyarakat yang menggunakannya amat rapat. Berdasarkan situasi di Malaysia secara amnya bahasa Melayu dituturkan oleh komuniti bahasa Melayu, iaitu sekumpulan manusia yang tidak semestinya berketurunan sama tetapi menggunakan bahasa Melayu dalam kehidupan mereka. Jika hal ini diterima, maka masyarakat bahasa Melayu di Malaysia sangat besar kerana berdasarkan Dasar Bahasa di Malaysia, penutur bahasa Melayu bukan sahaja terdiri daripada orang Melayu tetapi merangkumi juga pelbagai kumpulan etnik lain seperti etnik India, Cina, bumiputera di negeri Sabah dan Sarawak dan kumpulan etnik minoriti yang lain (Noriah Mohamed, 2003:73). Oleh hal demikian, apabila dua kumpulan etnik yang mempunyai bahasa ibunda ini berhubung akan berlakulah pertembungan bahasa. Keadaan inilah yang akan mewujudkan bahasa pasar, iaitu apabila ada di antara kumpulan yang tidak mempunyai satu bahasa perantaraan yang diketahui oleh kedua-dua pihak dan tidak mempunyai penutur-penutur yang menuturkannya sebagai bahasa ibunda. Dalam hal ini, bahasa pasar digunakan bagi mencapai tujuan komunikasi agar berjalan dengan lancar dan berkesan. Bahasa pasar juga dilihat sebagai alat sosial yang amat mustahak untuk menjalinkan perhubungan dan amat dituntut dalam masyarakat dunia memandangkan bahasa menjadi medium perantara untuk berhubung disamping menyampaikan maksud. Situasi penggunaan bahasa pasar, selain melancarkan proses komunikasi, ia juga berjaya menyerlahkan budaya santun berbahasa dalam kalangan rakyat selain mampu memupuk semangat perpaduan dalam kalangan rakyat yang berbilang kaum di Malaysia. Ini kerana, kesantunan yang ditunjukkan dengan menghormati etika berbahasa demi kelangsungan sebuah komunikasi dapat mewujudkan

suasana yang baik sekali gus mencapai matlamat komunikasi itu sendiri, iaitu memberi maklumat dan berkongsi maklumat daripada penutur kepada pendengar (Abd. Ganing Laekang, 2015:37).

Permasalahan Kajian

Isu penggunaan bahasa merupakan anantara isu yang menjadi fokus perbincangan dalam negara yang mempunyai kepelbagaian kaum dan bahasa. Kesedaran akan kepelbagaian ini menjadikan pengguna bahasa begitu berhati-hati dalam memilih bahasa yang sesuai digunakan ketika berlaku pertembungan bahasa antara sesuatu kaum. Dalam hal ini, untuk mencapai tujuan komunikasi dan tujuan lain, masyarakat telah berusaha sedaya upaya menggunakan bahasa yang sesuai mengikut konteks dan situasi semasa. Pengguna bahasa, khasnya penutur bukan Melayu akan mengetepikan bahasa ibunda mereka dan menggunakan bahasa Melayu yang bercampur-campur mengikut lenggok intonasi bahasa asal demi kelangsungan sebuah komunikasi. Pemilihan perkataan dibuat dengan cermat dan santun. Selain itu, untuk mencapai tujuan komunikasi yang maksimum, penutur Melayu juga cuba menggunakan bahasa Melayu dengan lenggok atau intonasi bahasa yang digunakan lawan tutur mereka. Dalam hal ini, pertembungan antara dua bahasa inilah yang melahirkan suatu bentuk variasi bahasa yang dikenali sebagai bahasa pasar. Setelah diteliti penggunaan bahasa dalam kalangan masyarakat yang pelbagai kaum, sememangnya penggunaan bahasa pasar digunakan secara meluas dan diucapkan secara spontan apabila lawan cakap antara dua orang yang berkomunikasi adalah berlainan bangsa. Disebabkan hal ini, pengkaji terpanggil untuk melihat penggunaan bahasa ini dalam kalangan masyarakat yang dirakam dalam bentuk novel. Adakah terdapat kesedaran penulis novel terhadap kewujudan bentuk bahasa ini dan seterusnya menjelmakan penggunaannya dalam novel yang dikarang? Tindakan penulis novel ini bukan sahaja akan memberi pendedahan kepada pembaca mengenai bahasa pasar bahkan juga mampu mempengaruhi penguasaan dan sikap masyarakat terhadap sesuatu bahasa, yakni sama ada bahasa tersebut akan digunakan dan dikembangkan ataupun diketepikan begitu sahaja.

Bahasa Pasar

Di Nusantara, bahasa Melayu pasar telah digunakan sebagai lingua franca dalam perdagangan sejak zaman Melaka pada kurun 14 apabila pedagang-pedagang Tionghua datang berniaga di Melaka. Sewaktu penjajahan Inggeris, bahasa Melayu pasar ialah bahasa yang digunakan untuk berhubung di antara orang Eropah, Tionghua, Tamil, Melayu dan orang-orang lainnya. Orang Tionghua menjadi ahli peniaga dan juga menjadi kuli-kuli di lombong manakala orang India menjadi kuli-kuli pembina jalan kereta api dan kuli-kuli di ladang-ladang getah. Dalam keadaan begini, timbullah penggunaan bahasa Melayu umum yang dicampur aduk dengan bahasa-bahasa lain oleh penutur-penutur yang berlainan itu (Mashudi, 1971: 34). Fenomena wujudnya bahasa kacukan dalam mana-mana masyarakat atau bangsa di dunia bukanlah hal yang luar biasa (Awang Sariyan, 2017:178).

Menurut Lutfi Abas (1995:31-32), bahasa pasar ialah bahasa Melayu yang mengandungi beberapa bunyi, aturan nahu dan sejumlah kata yang bukan asli bagi bahasa itu seperti kata daripada bahasa Cina dan Tamil. Misalnya, bahasa Melayu pasar mengandungi kata ganti nama gua yang berasal daripada bahasa Cina dialek Hokkien. Bahasa Melayu pasar juga adalah bahasa yang tidak standard menurut ukuran bahasa Melayu standard.

Za'ba seperti yang dipetik, menyatakan bahawa bahasa pasar juga dinamakan bahasa kacukan. Takrif yang diberi berkaitan bahasa pasar ialah susuk atau bentuk bahasa Melayu yang terpakai dalam percakapan di antara orang Melayu dengan orang-orang bangsa lain di Tanah Melayu ini, atau di antara bangsa-bangsa lain itu dengan bangsa-bangsa lain yang bukan sebangsanya (seperti dalam Asmah Haji Omar, 2010, hal. 273).

Menurut Mashudi (1971, 2015:45) pula, di Malaysia, bahasa Melayu pasar ialah bahasa pijin yang mengacukkan bahasa Melayu dengan bahasa Tamil atau Cina. Adukan ini mempamerkan campuran kosa kata dan struktur bahasa-bahasa yang terlibat. Sebagai contoh, bahasa Melayu pasar yang bercampur dengan bahasa Tamil memperlihatkan pengaruh bunyi retrofleksi dalam sebutan penggunanya (seperti dalam Noriah Mohamed, 2015, hal. 67).

Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah

1. mengenal pasti penggunaan bahasa pasar dalam novel Imam, dan
2. mengkategorikan unsur-unsur bahasa pasar dalam novel Imam.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kaedah analisis teks. Kaedah analisis teks dilakukan dengan meneliti bahagian novel yang sesuai sebagai bahan kajian. Pembacaan secara teliti dilakukan bagi menjawab objektif kajian. Data kajian yang dipilih ialah daripada novel Imam Karya Abdullah Hussain. Novel ini mengandungi tujuh bab dengan ketebalan 691 halaman dan diterbitkan oleh Utusan *Publications & Distributor* Sdn. Bhd. pada tahun 1999. Novel ini juga pernah memenangi hadiah Novel Nasional 1992/1994 dan Hadiah Sastera Malaysia 1994/1995 yang dianjurkan bersama oleh Utusan Melayu dan *Public Bank* Berhad.

Data ditunjukkan dalam bentuk petikan ayat bagi memudahkan penerangan dan penjelasan. Data kajian yang dipaparkan akan dilabel sebagai H300/B8 iaitu H300 untuk halaman 300 dan B6 untuk baris ke 6. Data yang mengandungi bahasa pasar sahaja dipaparkan dan dilabel bagi memudahkan pembaca merujuk novel sebenar. Unsur-unsur bahasa pasar, iaitu kata ganti nama diri, penggunaan kata 'banyak' sebagai kata penguat, kekerapan penggunaan kata 'punya', hukum D-M dan penggunaan ayat yang tidak gramatis diteliti bagi menjawab objektif kajian.

Dapatan Kajian

Data kajian akan dihuraikan secara terperinci hasil daripada analisis teks dengan memfokuskan penggunaan unsur bahasa pasar dalam novel Imam karya Abdullah Hussain. Keberkesanan kajian yang dijalankan dapat dilihat daripada penjelasan yang akan dihuraikan dalam analisis ini.

Unsur bahasa pasar yang pertama ialah penggunaan kata ganti nama diri orang yang berbeza dengan bahasa Melayu standard. Kata ganti nama diri orang dalam bahasa Melayu standard terdiri daripada kata ganti nama diri orang pertama (saya, aku, beta, patik, kami dan kita), kata ganti nama diri orang kedua (anda, engkau, awak dan kamu) dan kata ganti nama diri orang ketiga (ia, dia, mereka, dan -nya). Namun, penggunaan kata ganti nama diri orang dalam bahasa pasar adalah berbeza seperti gua (saya), lu (kamu), kita olang (kami) dan lu orang (kamu semua). Berikut adalah contoh dialog antara bapa dan ibu Sufi Lau iaitu Lau Kwi Fong dan Ah Ping:

“Kamu orang tentu dapat susah. Saya takut ‘lu’ dan Ah Leng nanti itu Jepun ambil jadi dia punya perempuan.”

(H272/B16)

“Bagaimana kalau kita semua masuk Melayu?”. Itu jam juga mama saya jawab dengan suara kuat, seperti dia sudah tidak takut lagi. “Biar ‘gua’ mati pun ‘gua’ tak mau masuk Melayu. Apa ‘lu’ sudah gila?” Saya fikir bapa saya sudah lama fikir itu hal. Dia terus jawab dengan tenang. “Gua’ bukan gila tapi apa salah? Masuk Melayu macam orang masuk agama orang putih juga”.

(H272/B27)

“Kalau ‘lu’ mau masuk Melayu masuklah, ‘gua’ dan Ah Leng tidak mau ikut. Ah Sun terserah sama dia.”

(H273/B20)

Berdasarkan dialog pada H271/B15, terdapat penggunaan kata 'gua' yang merujuk kepada kata ganti nama diri pertama tunggal 'saya' dan kata 'lu' yang merujuk kepada kata ganti nama diri kedua tunggal 'kamu'.

Dapatan kajian juga mendapati terdapat unsur penggunaan kata penguat yang berbeza daripada bahasa Melayu standard dalam novel ini. Kata penguat ialah perkataan yang mendahului atau mengikuti kata adjektif dan berfungsi menguatkan maksud yang terkandung dalam kata adjektif seperti terlalu, paling, agak, sekali, benar, nian, amat, sangat dan sungguh. Namun dalam bahasa pasar, kata 'banyak' dijadikan sebagai kata penguat. Hal ini dapat dilihat dalam dialog berikut:-

“Ha, itu macam. Mula-mula saya mau cakap dia seorang yang ‘banyak’ baik. Dia suka tolong semua orang, tidak kira bangsa. Tidak kira agama”.

(H270/B9)

“Ha. Ini orang banyak pandai. Saya fikir sebab dia lama di Indonesia, dia ada belajar, ada tengok apa macam itu orang Indonesia kerja”.

(H282/H1)

“Saya dengar itu orang tua-tua dan itu bekas imam dulu tidak suka sama Haji Mihad sebab dia ada buat macam-macam di masjid itu sekarang dan dia orang bilang itu tidak betul. saya tidak tahu tentang agama sebab saya baru dua tahun masuk Islam, tetapi saya fikir Haji Mihad tidak salah. Dia ‘banyak’ kasi baik itu masjid. Dia bikin itu taman, sekarang ‘banyak’ cantik”

(H285/B16)

Penggunaan kata 'banyak' dalam dialog bahasa pasar di atas merujuk kepada kata 'sangat'. Oleh itu, frasa 'banyak baik' adalah merujuk kepada sikap Haji Mihad yang sangat baik dalam situasi perbualan tersebut serta keadaan masjid dan taman yang sangat baik dan cantik.

Di samping itu, dapatan juga mendapati terdapat kekerapan dalam penggunaan kata 'punya'. Antara contoh penggunaan kata ‘punya’ dapat dilihat dalam pertuturan Lau Ping Sum @ Sufi Lau, seorang peniaga mualaf di Pekan Sungai Besar dan James Burtons@ Ahmad Burtons seorang pengurus estet.

“Tentang apa? Tentang apa saja. Tentang dia ‘punya’ sekolah, dia ‘punya’ kerja, dia ‘punya’ kawan. Apa saja yang tauke tahu.”

(H270/B6)

“Ha, Haji Mihad orang banyak baik, saya mesti tolong apa yang boleh. Dia bukan saja imam tapi macam saya ‘punya’ saudara. Dia juga guru saya.”

(H270/B1)

“Ha, ini betul ‘punya’ cakap. Saya suka sama dia. Saya fikir kalau orang buang Haji Mihad, mereka sudah bikin salah banyak besar. Itu saja”.

(H283/B3)

“Tuan pernah kasi dia berhenti? Tidak! Dia tidak pernah lalai solat dan dia tidak pernah lalai dia ‘punya’ kerja. Saya jadi makin sayang bila saya sudah faham dia ‘punya’ sikap”

(H290/B21)

Penggunaan kata 'punya' ini sering diulang-ulang dalam pertuturan dua watak di atas. Frasa ‘dia punya sekolah’, ‘dia punya kerja’, ‘dia punya kawan’, dan ‘macam saya punya saudara’ merujuk kepada hak atau kepunyaan seseorang. Begitu juga dengan frasa ‘dia punya kerja’ dan ‘dia punya sikap’.

Dapatan juga mendapati, penggunaan bahasa pasar mengabaikan hukum D-M. D-M bermaksud diterangkan (D) dan menerangkan (M). Dalam peraturan ini, unsur yang diterangkan itu merupakan unsur inti yang hadir pada kedudukan pertama dan unsur yang menerangkan merupakan unsur penerang yang hadir pada kedudukan yang kedua. Namun, pengecualian diberikan akibat kebiasaan dalam penggunaan, iaitu penerang mendahului unsur yang diterangkan. Kekecualian hukum D-M ini melibatkan frasa seperti perdana menteri, timbalan menteri, naib presiden, naib yang dipertua, naib cancellor, timbalan pengerusi, pembantu penyelidik dan ibu pejabat. Pengabaian hukum D-M dalam novel Imam dapat dilihat dalam dialog antara Haji Mihad dengan orang Dayak suku Kenyah. Berikut adalah contoh penggunaan bahasa pasar yang menyalahi hukum DM:

"Itu luka bagaimana?" katanya kemudian setelah hampir habis nasi di dalam pinggan itu saya makan.

(H310/B1)

“Satu minggu sudah itu saya pun sunat.”

(H275/B24)

“Tapi kedai kami mereka tidak ganggu.”

(H275/B29)

Berdasarkan contoh di atas, ia jelas menunjukkan pengabaian hukum D-M. Sepatutnya, perkataan 'luka' yang merupakan unsur inti perlu hadir di depan pada kedudukan pertama dan

perkataan 'itu' merupakan unsur penerang yang perlu berada pada kedudukan kedua. Ayat yang sepatutnya dalam bahasa Melayu standard ialah "Bagaimana luka itu?"

Di samping itu, terdapat juga unsur pengabaian dalam penggunaan penjodoh bilangan. Penjodoh bilangan ialah perkataan yang digunakan berpasangan dengan nama apabila menunjukkan bilangan, seperti ekor untuk binatang, helai untuk kain dan biji untuk buah. Pengabaian dalam penggunaan penjodoh bilangan ini dapat dilihat semasa pertuturan James Burtons @ Ahmad Burtons, seorang pengurus di Estet Bukit Kuda.

"Isle of Man. Tahu di mana Isle of Man? Itu 'satu' pulau di Laut Irish di sebelah pantai barat laut England."

(H284/B13)

"Sebagai orang tua saya sudah tidak banyak kepentingan lagi. Ada rumah yang besar, saya pakai pembantu sambilan yang datang tiga hari dalam satu minggu. Pakaian saya yang lama juga masih boleh pakai. Saya ada 'satu' kereta Rolls-Royce model lama, sudah vintage, kawan saya di rumah ada seekor anjing Collie yang saya beli dengan harga satu ribu pound, cukup pandai."

(H292/B3)

Ahmad Burtons tidak menggunakan penjodoh bilangan 'sebuah' untuk kata pulau dan kereta. Beliau menggunakan kata satu untuk kedua-dua kata ini sedangkan penjodoh bilangan dalam bahasa Melayu standard ialah 'sebuah'.

Unsur bahasa pasar yang terdapat dalam novel imam yang seterusnya dapat dilihat melalui penggunaan ayatnya yang tidak gramatis. Tidak gramatis dalam konteks ini bermaksud tidak mengikut prinsip-prinsip nahu atau tatabahasa. Penggunaan ayat yang tidak gramatis ini dapat dilihat melalui sebutan kosa kata dan sintaksis. Terdapat sebutan kosa kata bahasa Melayu dengan gaya pertuturan pelat Cina dalam novel Imam karya Abdullah Hussain ini, seperti pertuturan antara Lau Ping Sum @ Sufi Lau dan Mohidin, dan antara Lau Ping Sum @ Sufi Lau dan Haji Mihad.

"Saya tak boleh ingat imam dengan mapa Mutu itu Lulu," kata Sufi. "Kalau salah munyi wisil, nama imam lan Kurupiah olang panggil sikililing palang" Manyak susah mau ciari pasangan silupa itu. Kurupiah bawa mola la imam tunggu li lepan gol. Misti masuk puniya. Saya tak pelenah kalah metaruh."

(H55/B25)

*"Gagah kau Sufi," kata Mohidin mengusik.
"Mau halir majilis igama," jawab Sufi. "Maaf lambat silikit. "*

(H104/B26)

"Wah! Saya boleh dingar imam bercakap sampai pagi. Tapi kenapa kita meniri di sini? mali singgah di kelai saya lulu. Kita minum sikit kopi"

(H130/B14)

“Wah, imam yuga panlai” Sufi merangkul tangan Haji Mihad dan dipegangnya erat.
“Imam panlai. Saya boleh tahan tarak tilur mendingar imam bercakap ini maciam”

(H131/B15)

Contoh dialog yang diberikan dituturkan oleh Sufi Lau. Jelas sekali bahasa yang digunakan mengikut lenggok pertuturan pelat Cina. Walaupun begitu, secara tersuratnya didapati bahawa perbezaan mahupun kesalahan dari segi nahu mahupun sebutan bukanlah penghalang untuk masyarakat berkomunikasi. Apa yang dipentingkan ialah matlamat komunikasi berlangsung dan tujuannya berjaya dicapai. Perbezaan penggunaan dari sudut sintaksis pula dapat dilihat melalui gaya pertuturan antara Setiausaha Majlis Agama dengan Lau Ping Sum @ Sufi Lau.

“Bapa saya masuk Islam kerana takut sama Jepun. Saya masih ingat itu jam umur saya baru enam tahun. Bila Jepun sudah bom Kapal Perang Amerika bapa saya banyak takut. Itu jam kedai kami banyak besar. Satu malam bapa saya kumpul kami dalam bilik dan cakap.”

(H270/B21)

“Ini sikit susah mau cakap. Haji Mihad sama Haji Syamsuri itu saudara. Itu Haji Syamsuri punya bini dulu Haji Mihad punya tunang. Bila Haji Mihad pergi Sarawak orang bilang dia sudah mati, Haji Syamsuri kahwin sama dia punya tunang, dia punya saudara juga. Tiba-tiba sekarang Haji Mihad pulang, dia tidak mati. Apa macam? Saya fikir dia tentu tidak senang. Dia fikir Haji Mihad mau ambil dia punya tunang balik”.

(H280/B23)

Berdasarkan contoh yang diberikan, penggunaan bahasanya jelas menunjukkan berlakunya penyimpangan dari sudut sintaksis. Unsur subjek dan predikat dan hukum D-M tidak diikuti menjadikan ayat yang digunakan songsang dan tidak mengikut nahu bahasa Melayu.

Selain itu, terdapat juga orang India bertutur dalam bahasa Melayu mengikut pelatnya. Misalnya, dialog antara Naina Mohammed Mohidin Kutty (tauke restoran) dengan Setiausaha Majlis Agama Islam.

“Tuan warganegara India?”

“Tidak. (Dia menggeleng berulang-ulang). Saya sudah menjadi warganegara sini. Sejak datang dulu saya tidak pernah pulang lagi. Walaupun saya tidak lahir di sini tetapi, apa itu, ini tanah air saya. Saya besar, bersekolah dan cari rezeki di sini. Kalau saya balik India pun, apa itu, saya sudah tidak kenal lagi itu negeri. Saya sudah jadi macam apa itu, orang asing.”

(H205/B29)

Naina Mohammed Mohidin Kutty berasal dari daerah Poona yang terletak di pantai sebelah barat India. Mohidin lahir di Poona dan waktu berumur tujuh tahun beliau dibawa oleh bapanya iaitu Naina Mohammed ke Malaysia.

Dapatan juga mendapati ada dalam kalangan Orang Inggeris bertutur bahasa Melayu mengikut pelat bahasa Tamil. Misalnya, pertuturan James Burtons atau Ahmad Burtons dengan Setiausaha Majlis Agama. Berikut ialah contoh penggunaan bahasa pasar oleh orang Inggeris yang menggunakan bahasa Melayu mengikut pelat bahasa Tamil:

“Itu kelapa, dia punya batang, dia punya daun, dia punya buah, dia punya sabut, dia punya air, dia punya isi, dia punya lidi, dia punya santan, dia punya minyak dan itu minyak punya tahi juga ada guna. Mana ada pokok lain itu macam?”

(H289/B32)

James Burtons atau Ahmad Burtons berasal daripada *Isle of Man*, sebuah pulau di Laut Irish di sebelah pantai barat laut England. Beliau menetap di Malaysia selama 40 tahun dan bertugas sebagai pengurus di Estet Bukit Kuda yang semua pekerjaannya adalah orang India. Disebabkan hal inilah, gaya pertuturan bahasa Melayu James Burtons atau Ahmad Burtons mengikut pelat India.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, terdapat penggunaan unsur bahasa pasar dalam kalangan penutur yang berbilang kaum diketengahkan dalam novel ini. Unsur bahasa pasar ini dapat dilihat melalui penggunaan kata ganti nama diri orang, penggunaan kata 'banyak' sebagai kata penguat, kekerapan penggunaan kata 'punya', pengabaian hukum D-M dan penggunaan ayat yang tidak gramatis. Analisis ini juga melihat gaya pertuturan yang disampaikan oleh watak-watak seperti Setiausaha Majlis Agama, Lau Ping Sum atau Sufi Lau, Lau Kwi Fong, Ah Ping, orang Dayak suku Kenyah, Naina Mohammed Mohidin Kutty dan James Burtons atau Ahmad Burtons. Rata-rata gaya pertuturan mereka dipengaruhi oleh pelat India kerana mereka berada di persekitaran kawasan estet yang terdapat ramai masyarakat India. Penggunaan bahasa pasar ini secara tidak langsung telah membantu dalam keberkesanan komunikasi apabila setiap watak yang diketengahkan menggunakan bahasa yang sesuai untuk mencapai matlamat komunikasi. Keharmonian dalam masyarakat juga berjaya direalisasikan apabila setiap anggota masyarakat mampu memahami kehendak masing-masing dengan menggunakan bahasa yang sama walaupun dengan pelat sebutan yang berbeza. Ternyata amalan berbudi bahasa yang menjadi amalan masyarakat dengan menggunakan bahasa yang mudah difahami (Khairuddin, 2017:3) memberikan penyampaian yang berkesan serta melancarkan komunikasi antara orang yang terlibat dalam sesuatu interaksi. Penulis juga dilihat berjaya mengaplikasikan penggunaan bahasa yang sesuai dengan watak mengikut keadaan masyarakat sebenar.

Rujukan

- Abdullah Hussain. (2000). *Imam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd.
- Abd. Ganing Laekang. (2015). *Analisis kesantunan dalam ceramah motivasi Dr. Mohd. Fadzilah Kamsah*. Bangi: Adam Muslim Enterprise.
- Abdul Rashid Daing Melebek & Amat Juhari Moain. (2010). *Sosiolinguistik dan Bahasa Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asmah Haji Omar. (2010). *Kajian dan perkembangan bahasa Melayu (Edisi kedua)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Awang Sariyan. (2017). *Pemikiran Awang Sariyan dalam pemartabatan bahasa Melayu* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Farid M. Onn. (1982). *Beberapa persoalan atur rumus dalam fonologi bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Idris Aman & Mohammed Azlan Mis. (peny.). (2014). *Variasi bahasa*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Khairuddin Mohamad. (2017). *Kesantunan masyarakat Malaysia*. Shah Alam: Oxford Fajar.
- Lutfi Abas. (1995). *Kritikan karya sastera: Keindahan ragam-ragam bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim. (1988). *Linguistik transformasi generatif: Suatu penerapan pada Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Hj. Musa dan Abdul Hamid Mahmood. (1995). *Tatabahasa dewan edisi baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noresah Baharom, Rusli Abdul Ghani, Md. Nor Hj. Ab. Ghani, Ibrahim Ahmad, Aziah Tajudin, Salmah Jabbar, Mariam Mahmud, Diarani Mat Adam dan Rahamah Othman. (2005). *Kamus dewan edisi keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriah Mohamed. (2003). *Beberapa topik asas sociolinguistik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Noriah Mohamed (ed). (2015). *Variasi bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- S. Nathesan. (2008). *Makna dalam bahasa Melayu*. Edisi kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wong Xiaomei. (2012). Emergent grammatical structures of bahasa Pasar: Based on Hakka Malay and Cantonese-Malay glossaries. *Gema Online Journal of Language Studies*. 12, (3), 865-884